

22 OCT 2003

Mahathir-Sukarno

DR MAHATHIR ANGGAP DIRINYA TIDAK SEBANDING DENGAN SUKARNO

JOGJAKARTA, 22 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dianggap Indonesia sebagai Sukarno di era sekarang, berkata kejayaannya masih kurang berbanding presiden pertama Indonesia itu.

"Saya tidak fikir saya boleh dibandingkan dengan Sukarno. Beliau seorang tokoh yang terkenal dan berjaya menyatukan bangsa yang terbahagi kepada ratusan kaum dan suku-kaum," katanya dalam wawancara khas dengan sebuah stesen televisyen tempatan, TV7 di sini hari ini.

Wawancara itu menggunakan dua bahasa -- Melayu dan Inggeris.

Beliau berkata harus diingatkan bahawa Indonesia yang penduduknya lebih 220 juta orang, jauh lebih besar dibandingkan dengan Malaysia yang penduduknya hanya kira-kira 23 juta orang.

Dengan penduduk dan kawasan yang 10 kali lebih kecil seperti Malaysia, adalah lebih mudah mengatasi masalahnya, katanya.

Wawancara itu, yang disiarkan secara langsung oleh stesen berkenaan, menampilkan empat anggota panel terdiri daripada tokoh wartawan kanan -- Sabam Siagam dari The Jakarta Post, August Parengkuan dan Susanto Pujomarto dari TV7 dan James Luhulima dari harian Kompas. Dana Iswara dari TV7, sebagai moderator.

Dr Mahathir sebelum itu menghadiri majlis penganugerahan Distinguished Honorary Fellow Award (anugerah fellow kehormat) yang diberikan oleh Persekutuan Persatuan-Persatuan Kejuruteraan Asean.

Perdana Menteri yang cukup terkenal dan mendapat sanjungan di kalangan luas rakyat negara ini mendapat jolokan "Sukarno Kecil" sebagai perbandingan dalam kejayaannya memajukan Malaysia dan bersuara lantang terhadap kuasa-kuasa barat, imperialisme dan kapitalisme.

Dr Mahathir berkata beliau sering mengikuti perjuangan Sukarno dan allahyarham adalah orang yang pertama menyebut tentang imperialisme ekonomi dan kolonialisme baru.

"Ini adalah ides yang dibawa Sukarno. Pada masa itu ramai ketawa (kerana) tidak terfikir bahawa ia akan berlaku," katanya.

Beliau berkata sekarang semua itu berlaku dan dalam bentuk yang amat dahsyat dengan penguasaan ekonomi terletak di tangan puak imperialis.

Bila ditanya tentang keinginannya dikenang sebagai apa dan siapa setelah melepaskan jawatannya akhir bulan ini, Dr Mahathir berkata itu terpulang kepada pihak lain kerana bukan dirinya untuk menentukan nilai yang telah diberikan.

Katanya penilaian akan dibuat orang lain, sambil berkata: "Mungkin pada satu ketika mereka menghargai dan mungkin ada yang mencemuh. Itu adalah tabii manusia."

Beliau berkata terpulang kepada dunia apa yang mereka mahu gelar dirinya kerana beliau telah mencuba yang terbaik menjalankan apa yang diamanahkan kepada beliau sebagai Perdana Menteri.

"Sebenarnya apa yang saya lakukan ialah melaksanakan dasar-dasar perdana menteri pertama, kedua dan ketiga. Saya memberi perhatian kepada semua aspek pembangunan Malaysia dari segi ekonomi, sosial dan politik. Ada yang berjaya dan ada yang tidak.

"...saya menganggap kepuasan terbesar saya ialah saya telah dapat menyatukan rakyat daripada tiga kaum utama, yang biasanya boleh berkonfrontasi. Saya menyatukan mereka dan memastikan mereka bekerjasama untuk membangunkan Malaysia."

Beliau juga ditanya tentang beberapa kenyataan pedas yang

dilontarkannya kepada pihak barat dan kemungkinan Malaysia terpaksa menghadapi reaksi keras daripada mereka.

Dr Mahathir berkata memang ada reaksi, tetapi beliau yakin bahawa Malaysia boleh menangani segala tindakan yang diambil.

"Ini bergantung kepada kedudukan ekonomi dan politik negara. Negara kita kukuh dan bersatu padu. Walaupun tekanan datang daripada negara besar, kita boleh menangkis serangan mereka," katanya.

Beliau berkata kritikan lantang beliau adalah berdasarkan perasaannya sendiri tentang kebenaran terhadap sesuatu perkara itu.

Katanya apabila beliau merasakan sesuatu itu tidak betul, beliau akan menyuarakannya, jika tidak, orang yang membuat perkara salah itu akan terlepas tanpa sesiapa menghalang mereka.

"Perkara seperti double standard...mereka boleh melakukan sesuatu, (sedangkan) kita tidak boleh berbuat perkara yang sama, itu tidak adil. Saya perlu mengatakannya kerana ia tidak adil," katanya.

-- BERNAMA

OPP JM RON